

# Hukuman berat menanti pelajar plagiat tugas

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan  
ffarhana@bh.com.my

Kuala Lumpur

Mahasiswa boleh dikenakan hukuman berat sehingga digantung semester atau dibuang universiti, sekiranya didapati bersalah melakukan amalan plagiat ketika menghasilkan tugas dan kertas kerja yang dihantar kepada pensyarah.

Profesor Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Zaid Ahmad, berkata perbuatan mahasiswa melakukan plagiat tidak boleh diterima dan universiti tidak akan berkompromi kerana tindakan itu bukan sahaja merosakkan kualiti graduan, malah mencetuskan budaya negatif serta memberi imej buruk terhadap nama baik institusi.

"Jika ditangkap dan didapati bersalah, mahasiswa akan berdepan kesan besar ke atas perbuatan mereka, diberikan gred gagal, dilucutkan kelulusan, digantung semester atau sehingga dibuang daripada universiti," katanya.

Walaupun tiada kajian sejauh mana serius amalan plagiat, pihak universiti tetap memandang berat permasalahan ini kerana membabitkan kualiti masa depan graduan yang akan mengemudi sektor pekerjaan negara.

Mahasiswa berani melakukan plagiat kerana mempunyai peluang dan ruang dek kemajuan serta kemudahan teknologi.

Dengan hanya duduk di depan komputer, mahasiswa boleh mengakses dengan begitu mudah segala maklumat diperlukan yang mendorong mereka bertindak menyalin dan menampal semula untuk diselitkan di dalam tugas.

Prof Zaid berkata, pada peringkat universiti, sering dijalankan kempen kesedaran menjauhi perbuatan plagiat untuk mewujudkan kelompok mahasiswa yang jujur, amanah dan bertanggungjawab.

"Pensyarah juga turut memainkan peranan dengan selalu mengingatkan pelajar mengenai kejujuran ketika



[FOTO HIASAN]

Mahasiswa perlu memastikan tugas dihantar kepada pensyarah bukan bahan plagiat.

menyelesaikan kerja diberikan kepada mereka," katanya.

## Jawatankuasa tatatertib

Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata plagiat adalah isu yang sukar dibendung sejak dahulu, cuma beza pada zaman kemajuan teknologi kini, kesalahan itu lebih mudah dikesan pensyarah.

Kewujudan perisian yang berupaya mengesan plagiat pada masa kini, bukan sahaja memudahkan pensyarah mengenalpasti ketulen hasil kerja diperiksa mereka, tetapi juga mampu mencetuskan kebimbangan mahasiswa melakukan perbuatan itu dan berupaya mengatasi permasalahan terbabit.

Pelajar dibenarkan mengambil maklumat fakta daripada karya orang lain dalam kadar 15 peratus daripada keseluruhan kandungan tugas, tetapi dikehendaki mengolah semula dan

memaklumkan nama sumber rujukan diperoleh mereka.

"Dalam mendepani kes plagiat, universiti perlu menubuhkan jawatankuasa tata tertib dan sekiranya didapati bersalah, mahasiswa perlu diberikan amaran, mengulang subjek, digantung semester atau dibuang universiti.

"UPSI secara berkala meningkatkan mahasiswa supaya menjauhi perbuatan ini kerana banyak masalah akan dihadapi mereka, termasuk sukar memperoleh pekerjaan," katanya.

## Tarik semula ijazah

Sementara itu, Profesor di Fakulti Kejuruteraan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Ir Dr Riza Atiq Abdullah Orang Kaya Rahmat, berkata pengurusan universiti itu pernah menggagalkan keputusan peperiksaan dan menarik semula ijazah sarjana seorang graduan kerana dikenal pasti terbabit dalam kesalahan plagiat.



Prof Dr Mohammad Shatar



Prof Dr Zaid

# Tindakan tegas tanpa kompromi

Dari V29

Semua pihak disaran memainkan peranan sepenuhnya dalam mengatasi 'jenayah ilmu' itu, bagi melahirkan graduan yang memiliki kelulusan sebenar, pengetahuan tinggi dan kemahiran insaniah cemerlang.

Adib Ashman Burhan berkata, fakulti dan pensyarah harus mengenakan tindakan berat tanpa berkompromi dengan kesalahan plagiat. "MPP juga perlu menjalankan program kesedaran seperti melalui pengedaran poster berhubung perbuatan dan kesan melakukan plagiat.

"Mahasiswa sendiri perlu lebih bertanggungjawab dengan menggunakan perisian mengenalpasti elemen plagiat sebelum menghantar tugas kepada pensyarah," katanya.

## Kredit sumber asal

EXCO Akademik dan Integriti MPP Sesi 2017/2018 Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Puteri Wan Nur Izzati Azhari, berkata ramai mahasiswa terbabit dalam plagiat apabila menyalin dan menampal maklumat diperoleh secara manual daripada kertas atau Internet tanpa mengolahnya semula.

Tindakan melakukan plagiat, katanya, memberi kerugian besar kepada mahasiswa kerana mereka tidak memahami secara teliti apa dimuatkan di dalam helaian tugas mereka yang seolah-olah 'asalkan siap sudahlah'.

Beliau berkata, universiti membenarkan pengambilan maklumat yang membabitkan

fakta daripada sumber bertulis atau medium elektronik dalam kadar peratusan tertentu tetapi dengan syarat, mereka harus menyunting atau mengolah ayat berkenaan.

"Adakalanya memang ada fakta diperlukan daripada hasil kerja orang lain untuk menyiapkan tugas, tetapi fakta itu hanya perlu dijadikan rujukan, bukannya ditiru secara penuh. Individu perlu mengubah ayat dan memberi kredit nama sumber asal supaya tidak dianggap melakukan plagiat.

"Di UniSZA, pensyarah kami selalu berpesan dan mengingatkan supaya jangan melakukan plagiat. Peranan pensyarah dan peraturan lebih tegas perlu dikenakan pihak universiti bagi mengengkang permasalahan ini, sekali



Mohamad Noor Farez

gus melahirkan graduan berilmu tinggi," katanya.

## Ambil jalan mudah

Bagi Pengerusi Pertubuhan Komuniti Mahasiswa Perlis, Mohamad Noor Farez Romli, amalan plagiat menunjukkan personaliti tidak bagus dalam diri individu, terutama mahasiswa yang sepatutnya memasuki universiti untuk memupuk nilai kepimpinan.

Mahasiswa yang terbabit dalam permasalahan ini biasanya gemar mengambil jalan mudah menyelesaikan tugas diamanahkan, selain menganggap pensyarah tidak akan sedar dengan perbuatan dilakukan mereka ketika memeriksa hasil kerja.

Mohammad Noor Farez berkata, ada segelintir individu yang berani melakukan

kesalahan itu adalah kerana ingin menunjukkan idea hebat, kononnya mampu memberi pandangan bagus dan penulisan mengagumkan apabila dibaca pensyarah.

"Perbuatan melakukan plagiat merugikan pelajar kerana mereka tidak mempunyai cabaran ketika melaksanakan tugas, tidak menjalankan tanggungjawab sebagai pelajar yang perlu sentiasa berusaha dan tidak boleh mengukur sejauh mana kemampuan sebenar diri.

"Dalam usaha membendung masalah plagiat, pensyarah seharusnya tidak bertolak ansur atau memberi peluang kepada mana-mana mahasiswa yang dibuktikan melakukan plagiat. Mereka harus mengikut peraturan yang ditetapkan universiti," katanya.